

# Kesabaran

# Melayu

19 SEP 1986

# ada hadnya

**KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**

hari ini mengingatkan kaum bukan Bumiputera supaya jangan memandang sepi usaha Umno dan orang Melayu dalam soal kerjasama dan pembahagian kuasa antara kaum.

"Kesabaran kita bukan tidak terhad," kata Perdana Menteri.

Beliau juga menegaskan bahawa Umno tidak akan menggadai maruah dan tidak akan memperdagangkan kehormatan bangsa Melayu sehingga anak cucu mereka tidak dapat memanggung kepala.

"Kita tidak akan menyondol-nyondol hanya kerana terpicat dengan kekayaan kebendaan," katanya dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Ke-37 Umno di sini.

mata-mata untuk bersahabat dengan kaum-kaum lain.

Selain itu, di kawasan-kawasan yang majoriti mutlaknyalah kaum Melayu, orang Melayu juga sanggup bertanding sesama sendiri sehingga kalah menang mereka bergantung kepada pengundi lain.

"Kita pula terima calon-calon bukan daripada kaum kita di kawasan di mana kita ramai dan kita tentukan mereka mendapat kemenangan.

"Semua ini kita buat kerana kita percaya kepada kerjasama antara kaum dan pembahagian kuasa antara kaum.

## Protes

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata orang Melayu sudah banyak membuat pengorbanan dan mereka juga sudah menerima hakikat bahawa orang Melayu kini menjadi salah satu kaum dalam negara berbilang kaum.

"Yang tinggal hanya kaum Melayu bangsa Malaysia. Kita akui kaum lain mempunyai hak untuk mengekalkan identiti mereka.

"Kita juga tidak protes melihat semakin banyak kekayaan negara diperolehi oleh orang lain. Kita juga tidak protes apabila dalam bidang swasta kita didiskriminasikan," katanya.

Beliau berkata, sebaliknya orang Melayu sanggup membendung sikap ke-Melayuan mereka dalam politik dan sanggup menentang habis-habisan golongan ekstrimis di kalangan kaum mereka sendiri. se-